

Nasihat PM kepada masyarakat Malaysia

'Kurangkan penonjolan aspek membezakan kaum'

MAY 27 1991



KUALA LUMPUR 27 Mei — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini meminta masyarakat berbilang kaum di negara ini supaya mengurangkan penekanan atau penonjolan aspek-aspek yang membezakan kaum-kaum di Malaysia.

Sebaliknya, kata beliau, rakyat hendaklah menumpukan perhatian kepada aspek-aspek persamaan yang terdapat antara kaum bagi menjamin perpaduan yang lebih erat.

Beliau menjelaskan, sesuatu kaum boleh memelihara identitinya tetapi tidak boleh menekankan atau membesar-besarkan perkara itu.

Perdana Menteri menegaskan demikian semasa merasmikan mesyuarat Panel Penasihat Perpaduan Negara di Carcosa Sri Negara di sini.

"Sebenarnya, semua kaum di negara ini sudah pun menyerap aspek-aspek kebudayaan dari kaum-kaum lain.

"Janganlah kita sengaja menghapuskan apa yang telah diserapkan ini kerana ingin mengasingkan diri," katanya.

Beliau menambah, di sinilah letaknya peranan asas-asas tertentu dalam perlembagaan serta Rukunegara dan pengetahuan tentang kedua-dua perkara ini amat penting bagi warganegara Malaysia.

Semua perkara dalam Perlembagaan dan Rukunegara telah dipersetujui oleh semua pihak semasa Malaya dan kemudian Malaysia dibentuk, jadi perkara itu tidak harus dipersoal lagi, ujarinya.

Perdana Menteri berkata, walaupun negara memperoleh kejayaan yang boleh dibanggakan

daripada segi perpaduan, namun banyak lagi yang perlu dilakukan oleh semua pihak untuk membina satu bangsa Malaysia yang benar-benar bersatu menjelang tahun 2020.

"Perpaduan rakyat tidak bermakna bahawa kebudayaan, agama, bahasa-bahasa kaum dan suku kaum dihapuskan tetapi adalah penting kita memiliki satu bahasa kebangsaan dan satu budaya yang teristimewa bagi bangsa dan negara ini," tegasnya.

Bercakap kepada para pemberita selepas itu, beliau menambah, tindakan yang menumpukan aspek-aspek persamaan antara kaum akan menghalang kebangkitan emosi yang boleh merosakkan perpaduan.

Mengulas tentang laporan terputusnya perbincangan antara kerajaan Afrika Selatan dengan Kongres Kebangsaan Afrika (ANC), beliau berpendapat, masalah itu perlu dikaji untuk ditentukan perkara-perkara yang menyebabkan terputusnya perbincangan itu.

"Kalau mana - mana pihak membuat sesuatu yang menghalang kemajuan, kita harus cari jalan untuk membetulkan keadaan," tambahnya.

Beliau percaya di antara sebab-sebab yang tidak memungkinkan perbincangan tentang masalah dasar aparteid di Afrika Selatan itu diteruskan adalah kerana keganasan masih berlaku.

Selain itu, katanya, kerajaan Afrika Selatan juga belum menerima balik ramai daripada orang-orang yang disingkirkan dan masih lagi ada kawasan-kawasan yang diasingkan.